

NO SOALAN :68**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA
(BAKRI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.03.2015

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik setiap tahun dari 2010 hingga 2014 berapakah barang-barang yang di seludup masuk terutama rokok dan mercun, berapakah suspek yang telah disiasat, didakwa, dijatuhkan hukuman dan dibebaskan serta berapakah barang bukti yang telah dimusnahkan atau masih disimpan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, nilai barang yang diseludup masuk

adalah sebanyak RM507.7 juta pada tahun 2010, RM525 juta pada tahun 2011, RM603 juta pada tahun 2012, RM646.5 juta pada tahun 2013 dan RM726.6 juta pada tahun 2014. Daripada jumlah tersebut, kes yang melibatkan rokok adalah lebih kurang 9.3 peratus manakala yang melibatkan mercun adalah lebih kurang 1.4 peratus.

Berikutan terbongkarnya kes-kes penyeludupan tersebut, sebanyak 19,248 orang telah disiasat dalam tempoh 2010 sehingga 2014 dan melibatkan 2,563 kes pendakwaan. Bilangan kes yang telah dijatuhkan hukuman adalah sebanyak 395, 515 dan 1,301 masing-masing bagi tahun 2012, 2013 dan 2014. Sebanyak empat kes telah dibebaskan.

Barang bukti yang telah dimusnahkan bagi tahun 2012 adalah bernilai RM93.5 juta, bagi tahun 2013 adalah RM60.3 juta dan bagi tahun 2014 adalah RM47.7 juta.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI
DATO' OTHMAN SAID
(PENGERANG)**

TARIKH : 17.03.2015 (SELASA)

SOALAN : 69

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan adakah pihak Kementerian maklum akan keadaan Jeti Pasir Gogok yang sangat daif dan mampu mengundang bahaya kepada pengguna yang menggunakannya kerana keadaan kayu yang rosak, jeti yang bahaya dan tiada penyelenggaraan yang baik.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat pihak Kementerian untuk menambah kemudahan-kemudahan asas di setiap kampung. Walaubagimana pun pelaksanaannya adalah tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan kepada Kementerian. Sehubungan itu, Yang Berhormat dipohon untuk mengemukakan senarai permohonan berkaitan kepada Kementerian ini untuk pertimbangan lanjut.